

TEKNOLOGI AL-QURAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Oleh:

Norakyairee Mohd Raus dan Siti Rahmah Ahmad Razuan
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Syar Meeze Mohd Rashid
Ab. Halim Tamuri
Norshidah Mohamed Salleh
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

norakyairee@usim.edu.my
No. Tel: 012-3053001

Abstrak: Penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran kini semakin berkembang pesat. Ini disebabkan peranan teknologi dilihat mampu membantu dan merangsang minat penggunaannya dalam mendepani isu dan cabaran teknologi pendidikan era globalisasi. Malah, penggunaannya juga mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan khususnya dalam menawarkan ruang dan peluang Orang Kurang Upaya (OKU) celik teknologi. Kajian ini bertujuan mengenal pasti perkembangan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi OKU. Selain itu, kajian ini turut meneroka peranan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Unit Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI) dalam pembangunan teknologi PdP al-Quran bagi memenuhi keperluan OKU. Reka bentuk kajian kualitatif digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat melalui proses pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian ini mendapati bahawa penggunaan teknologi dalam proses PdP Quran berperanan membantu OKU meningkatkan penguasaan dan kefahaman al-Quran dengan baik dan berkesan. Walaupun kecacatan dan kelainan upaya mereka merupakan cabaran utama dalam penggunaan teknologi, tapi jika mereka diberi pendedahan dan latihan secukupnya, mereka mampu terlibat dalam aktiviti pembelajaran dengan lebih berkesan. Justeru, isu sebenar pendidikan OKU dan teknologi ini bukan tertumpu kepada faktor ketidakupayaan individu OKU, tetapi ia bermula daripada pemulihan sikap dan persekitaran yang membantu OKU menyertai aktiviti sosial dengan lebih berkesan.

Katakunci: Teknologi al-Quran, OKU, sikap dan persekitaran, USIM

1.0 PENDAHULUAN

Senario perkembangan dan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bukanlah sesuatu yang asing di Malaysia. Perkembangannya dilihat mempunyai potensi dan impak besar terutama dalam bidang pendidikan. Menurut Syed Najihuddin et al., (2018), teknologi turut dirujuk sebagai suatu kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk menyelesaikan sebarang permasalahan. Perkara ini dilihat dengan beberapa pendekatan seperti mengubah cara belajar

individu, kaedah memperolehi maklumat dan menyesuaikan dapatan maklumat (Mohamad dan Baharom, 2011 dan Syed Najihuddin et al., 2018) mampu menjadikan teknologi sebagai perantara bagi mencapai matlamat pendidikan.

Dalam konteks Pendidikan Islam, teknologi turut berperanan dalam memudahkan proses PdP dan mampu meningkatkan keberkesanan penyampaian isi kandungan matapelajaran, termasuk al-Quran. Menurut Awang dan Daud (2013), dapatan kajiannya menunjukkan ada peningkatan penguasaan pendidikan Islam dengan menggunakan TMK berbanding pengajaran secara konvensional. Perkara turut disokong oleh banyak kajian-kajian lepas. Antara faktor peningkatan penguasaan ini adalah sikap positif (Damin, 2012), minat, keyakinan dan sokongan pentadbir terhadap penggunaan teknologi dalam PdP (Dinyati, 2011), kesediaan guru (Sharifah & Kamarul, 2011) dan kemahiran guru terhadap TMK (Suhai, 2011).

Dalam konteks pembelajaran al-Quran dalam kalangan OKU, konsep asas yang diletakkan Islam sebagaimana jelas disebut dan diulang sebanyak empat kali dalam satu surah iaitu Surah al-Qamar: 54:17; 22; 32 dan 40. Firman-Nya yang bermaksud *Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Quran untuk peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pengajaran (daripadanya)?* Dalam hal ini, Allah memudahkan urusan bagi mempelajari al-Quran kerana matlamat utamanya adalah untuk mengambil peringatan dan pengajaran. Ia juga merupakan teori asas pembelajaran al-Quran dan kuncinya adalah ruang dan peluang untuk belajar. Ke arah itu, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pembelajaran al-Quran itu perlu berasaskan kepada kekuatan dan kelainan upaya belajar individu. Konsep ini terpakai untuk semua sama ada mereka yang tipikal mahupun mereka yang dikategorikan sebagai OKU.

Justeru, USIM melalui Unit Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) yang ditubuhkan Januari 2018 sebagai *platform* bagi mendepani isu dan cabaran OKU khususnya dalam konteks merealisasikan konsep indahnyanya hidup beragama. Ia bermula daripada inisiatif Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) USIM dalam mewujudkan '*Special Interest Group*' (Pendidikan Quran Sunnah bagi OKU) dalam kalangan pensyarah FPQS seawal tahun 2010 mendapat pengiktirafan dan diangkat sebagai salah satu *showcase* USIM pada tahun 2017. Kini, UMMI diletakkan di bawah inkubator Institut Sains Islam (ISI), USIM. Ini bertujuan meneroka bidang baharu dalam penyelidikan dan perkhidmatan berteraskan pendekatan integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Usaha ini selaras dengan hasrat USIM sebagai kampus barakah dan merealisasikan konsep universiti untuk komuniti.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Umumnya, kekurangan dari sudut komunikasi, fasiliti dan kemudahan yang mesra OKU, Bahan Bantu Mengajar (BBM), ketidak sesuaian aras pengajaran dan penilaian terhadap OKU, kesinambungan pembelajaran di rumah, serta peranan ibu bapa merupakan faktor yang menjadi kekangan kepada golongan ini untuk memahami ajaran Islam dengan lebih berkesan (Ahmad Kamel et al 2008, Noornajihan et al. 2012, dan Norakyairee & Ab. Halim 2011). Tambahan pula, kurangnya perhatian daripada pelbagai pihak terhadap isu OKU dan agama, hampir tiada penawaran sekolah agama atau kelas agama bagi OKU, kekangan polisi saiz kelas dan nisbah guru-guru agama (Asatizah), kurangnya latihan berterusan bagi Asatizah, dominasi peranan dakyah berbanding dakwah kepada OKU dan isu taklif bagi OKU: antara faktor yang turut menyumbang kepada senario pendidikan agama dalam kalangan OKU.

Secara khususnya pula, jika dinilai dari sudut perkembangan teknologi dalam proses PdP al-Quran bagi keperluan OKU, penggunaan TMK dalam sesi PdP tidak semestinya tertumpu kepada matapelajaran tertentu sahaja, tetapi ianya juga meliputi semua matapelajaran termasuk kemahiran al-Quran (Norakyairee et.al, 2018). Meskipun kewujudan teknologi moden pada masa kini dapat membantu memperluaskan dan mempercepatkan penyebaran maklumat, namun dari sisi lainnya masyarakat akan berhadapan dengan pengeksploitasian maklumat dari pihak yang tidak bertanggungjawab dan ianya adalah cabaran yang besar bagi umat Islam sejagat (Syed Najihuddin et.al, 2016). Bagi mengatasi masalah ini, masyarakat perlu memanfaatkan TMK bagi mencapai matlamat sebenarnya sebagai agen sosialisasi, penggalak pendidikan, pemberi dan penyebaran maklumat, menyokong kegiatan ekonomi, menerapkan persefahaman dan kerjasama, pembekal maklumat pembangunan diri dan masyarakat, penghibur (Musa Abu Hassan, 2008) dan pemerksaan usaha dakwah dan inisiatif ajaran Islam dengan lebih efektif khususnya kepada golongan OKU. Kesemua di atas akhirnya merujuk kepada kekangan aksesibiliti OKU yang bermula daripada sikap dan persekitaran yang membantutkan usaha penyertaan penuh OKU dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan secara berkesan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Antara sasaran dan objektif utama bagi kajian ini adalah:

1. Menenal pasti perkembangan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi OKU; dan
2. Menghuraikan pengalaman USIM dalam pembangunan teknologi pengajaran dan pembelajaran Quran bagi keperluan OKU.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah medium utama untuk menjawab dan mencapai objektif kajian. Dalam konteks kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan untuk mendapatkan hasil kajian melalui kaedah analisis dokumen dan pemerhatian.

Analisis dokumen pula merujuk kepada pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan. Manakala kaedah pemerhatian secara terus ini pula melibatkan pemerhatian secara langsung terhadap penggunaan teknologi di sesebuah institusi atau program. Teknik ini biasanya tidak melibatkan komunikasi dengan manusia (Sabitha Marican, 2009; Babbie, 2010).

5.0 DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan hasil dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah dinyatakan:-

Perkembangan Teknologi al-Quran bagi OKU

Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA:

طلب العلم فريضة على كل مسلم

Maksud: *menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas setiap orang Islam.*

(Ibn Majah, 2009:224)

Berdasarkan hadis tersebut, kewajipan menuntut ilmu terdiri daripada dua iaitu wajib fardhu ain dan wajib fardhu kifayah (Al-Ghazali, 1967 dan Jasmi, 2018). Ilmu sains seperti teknologi adalah termasuk dalam kategori wajib fardhu kifayah (Kamarul Azmi et.al, 2018).

Teknologi serta fasiliti sedia ada yang dicipta buat kemudahan OKU sebelum ini banyak membantu kepada perkembangan teknologi dalam bidang al-Quran pada masa kini. Sebagai contoh, perisian pembaca skrin bagi OKU penglihatan (*screen reader*) seperti Ibsar, Jaws dan NVDA yang berfungsi mengucapkan paparan skrin (*text-to-speech synthesis*) memudahkan mereka untuk mengendalikan computer (Ahmad Yunus Mohd Noor, Asmilyia Mokhtar, 2016). Teknologi sedemikian dapat membantu mereka mendengar dan memahami bahan-bahan bacaan berkaitan agama yang tidak terdapat dalam versi audio dan braille.

Bagi golongan OKU yang bermasalah didalam pembelajaran seperti autism dan sindrom down pula, penggunaan BBM berbentuk kontemporari menggunakan perisian dan peranti seperti iPad dan tablet merupakan kaedah yang efektif serta mesra pelajar dalam menyampaikan maklumat (Ali dan Man 2011; Idris dan Anis 2011; Mokhtar 2004) dengan menekankan konsep *tabasyir* dan *indhar* demi memastikan kelangsungan minat mereka dalam pengajian al-Quran (Siti Patonah Mohamad et.al, 2012).

Menurut Burgstahler,S (2008) penggunaan bahan multimedia dalam pelaksanaan proses PdP terbukti dapat meningkatkan tahap motivasi, keyakinan diri dan penguasaan akademik dikalangan pelajar Pekak, dalam masa yang sama membina kemahiran kognitif, linguistik dan sosial mereka (Mohid dan Mat Zin, 2010). Bertitik tolak dari itu, terdapat beberapa kajian yang dijalankan antaranya membina alat bantu berbentuk visual sebagai bahan bacaan (*visual aids as reading material*) menggunakan perisian akademik atau koswer seperti iFakih, yang berasal dari kaedah Fakih; iaitu kaedah membaca al-Quran berpandukan warna dan nombor. Teknologi yang digunakan telah mengambil pendekatan semantik melalui latih tubi dengan menggunakan gambar atau alat visual bagi meningkatkan kefahaman kanak-kanak Pekak (NA Mohd Daud et.al, 2012).

Pembangunan Teknologi al-Quran bagi OKU: Pengalaman USIM

Oleh kerana wujudnya galakan dalam Islam dan tuntutan semasa terutamanya apabila wujudnya kelompangan dan kekurangan fasiliti yang memudahkan OKU untuk mempelajari al-Quran, maka penyelidik akan menghuraikan dan berkongsi sedikit sebanyak pengalaman dan usaha yang telah dijalankan bahkan yang sedang digerakkan oleh USIM, antaranya:

1. Buku Iqra' Versi Braille dan Smart Iqra Braille

Buku Iqra' Versi Braille ialah suatu proses transkripsi daripada dokumen Teks Buku Iqra' kepada dokumen Iqra' Braille. Pemilihan Buku Iqra' (jilid 1-6) karangan K.H. As'ad Humam, Darul Fikir adalah selaras dengan tuntutan PdP Modul al-Quran, Pendidikan Islam (KKSR) yang menjadikan buku ini sebagai panduan metod pengajaran Modul al-Quran di sekolah-sekolah. Manakala, proses transkripsi dijalankan dengan menggunakan perisian *Duxbury Braille Translator* (DBT), Kod al-Quran Braille Gred 1 dan Jawi Braille.

Buku Iqra' Braille ini telah ditambahbaik dengan menjadikannya dalam bentuk data yang dikenali sebagai Smart Iqra Braille. Ia dibangunkan dengan kerjasama kumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mana telah membangunkan panel eBraille Quran sebelum itu. Produk ini mendapat pengiktirafan pingat Emas yang dipertandingkan di Inovasi Islam pada tahun 2014 (i-Inova' 14), 26th *International, Invention, Innovation and Technology Exhibition* (ITEX 2015) dan anugerah khas INPEX (Excellent Award Pittsburgh USA).

2. Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan (i-TALK PISKEB)

i-TALK PISKEB merupakan silibus yang diadaptasi daripada Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan bagi membantu Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan (MBK MaL). Isi kandungan buku teks tersebut telah diubahsuai kedalam bentuk audio mengikut kesesuaian isi kandungannya, sama ada dalam bentuk dialog, nyanyian, penceritaan dan lain-lain. Walaupun perisian ini boleh digunakan oleh guru mahupun murid sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) bagi murid berkeperluan khas, bahkan ia juga sesuai dan boleh diakses oleh semua murid tipikal. Perisian ini juga telah memenangi beberapa anugerah antaranya pingat Emas dalam pertandingan Inovasi Islam pada tahun 2015 (i-Inova'15), *International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2016)* dan *International Invention & Innovative Competition (InIIC2016)*.

3. Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Menengah (i-TALK PISMEN)

Wujud permintaan daripada pihak sekolah pendidikan khas dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam strategi pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan (Pendidikan Khas) untuk menghasilkan bahan-bahan rujukan dan bahan-bahan bantu mengajar bagi golongan cacat penglihatan. Ianya telah mendorong penyelidik untuk membangunkan perisian ini. Walaupun kini terdapat banyak buku audio dipasaran, CD-ROM, buku audio di dalam bentuk multimedia direka untuk menambah kefahaman kanak-kanak kerana transformasikan isi kandungan buku tersebut dalam bentuk animasi (Labbo, L. D., & Kuhn, M. R. (2000), namun ia masih kurang interaktif bagi penggunaan Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan (MBK MaL).

Perisian ini merupakan kesinambungan dari kejayaan pembangunan perisian i-TALK PISKEB. Selain mengekalkan ciri-ciri dan fungsi-fungsi yang sama seperti perisian sebelumnya, perisian ini juga telah ditambahbaik dari sudut kaedah penyampaiannya yang perlu disesuaikan kepada skop pengguna yang terdiri dari pelajar-pelajar sekolah menengah.

4. Perisian Interaktif Asas-Asas al-Quran dan Ibadah dalam Bahasa Isyarat (i-SIGN QurANIS)

Golongan OKU yang mengalami masalah pendengaran sebelum ini hanya bergantung kepada bahasa isyarat dan buku sahaja dalam sesi pembelajaran mereka. Namun hasil idea kumpulan penyelidik dan pelajar FPQS dengan beberapa fungsi tambah nilai yang mesra orang Pekak, kini mereka boleh menikmati sesi pembelajaran al-Quran dan solat dalam suasana yang lebih menyeronokkan dan santai.

Objektif utama pembangunan perisian yang menelan belanja RM78,000 ini bagi memenuhi keperluan rohani golongan itu berdasarkan kemahiran, kekuatan dan perbezaan pembelajaran mereka. Selain itu bertujuan untuk melahirkan rasa bertanggungjawab untuk membantu golongan tersebut membaca dan memahami asas-asas al-Quran dengan cara semudah yang mungkin. Manakala QurANIS pula merupakan satu kurikulum yang dibangunkan oleh Fakulti Quran dan Sunnah untuk anak-anak OKU Pekak mendapatkan hak pendidikan yang sama seperti pendidikan di KAFA (Kelas al-Quran dan Fardu Ain) dan sekolah agama rakyat yang lain.

Perisian ini memaparkan dua segmen utama iaitu al-Quran dan asas-asas ibadah seperti solat dan wudhu', selain dengan sedikit penambahan info berkenaan orang Pekak dan cara-cara berinteraksi dengan mereka. Elemen-elemen yang unik dan menarik didalam perisian ini antaranya adalah transliterasi makhraj, video juru bahasa isyarat dan terjemahan al-Quran mesra orang Pekak, yang dipersembahkan secara interaktif menerusi kaedah audiovisual yang didatangkan dalam bentuk *Digital Video Disc* (DVD). i-Sign QurANIS juga telah berjaya memperolehi emas beberapa pertandingan inovasi seperti *International Invention, Innovation and Technology Exhibition* (ITEX 2017) dan Pertandingan Rekacipta Dan Inovasi Islam USIM 2017 (I-REKA '17).

5. Koswer Bahasa Isyarat Islami Bagi Keperluan Ibadah (BII IBADAH)

Golongan Pekak dan bermasalah pendengaran wajib diberikan didikan agama sebagaimana golongan yang mendengar kerana mereka juga tergolong dalam kalangan manusia yang berakal dan wajib menerima dakwah serta mempelajari agama (Hamdi Ishak, 2010). Namun begitu, masalah komunikasi merupakan halangan utama untuk golongan istimewa ini mendapatkan hak mereka (Abdullah, 2014), selain tahap kebergantungan mereka terhadap bahasa visual iaitu bahasa isyarat lebih tinggi berbanding dengan bahasa pertuturan (Krammer, 2013). Kadar pemerolehan bahasa yang terhad membatasi mereka dalam memahami ayat-ayat di dalam bahasa-bahasa lain dan ayat yang bertahap tinggi (Syar Meeze et al., 2017). Rentetan daripada usaha awal beberapa projek pembangunan bahan multimedia seperti perisian i-Sign QurANIS, video

Ruqyah Syar'iyah dalam bahasa isyarat dan perisian umrah orang pekak oleh kumpulan penyelidik dan pelajar FPQS, maka perisian BII Ibadah dibangunkan.

Pembangunan BII Ibadah ini memberi fokus kepada pembinaan bahasa isyarat baru bagi istilah-istilah atau terminologi berkaitan Ibadah (Khamaruddin et.al, 2018). Terminologi ini di bahagikan kepada tujuh bahagian utama didalam koswer ini iaitu Hukum Syarak, Syahadah, Toharah, Solat, Puasa, Zakat, dan Tawaf. Isi kandungannya disampaikan secara interaktif dengan mengambil kira fungsi *dual mode* (dengan pengawasan atau sendiri), mesra pengguna (pekak dan mendengar) dan persembahan yang menarik seperti audio sebutan istilah, video jurubahasa isyarat dan contoh atau penerangan yang disampaikan secara visual.

Koswer atau perisian ini dibangunkan dengan mengambil kira kekurangan yang dimiliki oleh golongan berkeperluan khas ini dengan cara mengupayakan deria yang ada dengan bantuan computer (computer-assisted instruction) yang bersifat interaktif, persekitaran latihan yang disesuaikan dan boleh diukur untuk kanak-kanak kurang upaya dalam pembelajaran bahasa (Huntinger P.L et.al, 2006 dan Luckevich D, 2008). Moga dengan usaha pembangunan BII Ibadah ini, ianya mampu menyokong dan mengisi kelompangan dalam usaha menyediakan wasilah yang terbaik untuk orang pekak menuntut ilmu agama.

6. Aplikasi Quran Isyarat (Inovasi Perisian Quran Mesra OKU Pekak)

Quran Isyarat ini merupakan sebuah projek wakaf dibawah seliaan Unit Penyelidikan Ibnu Umri Maktum (UMMI) USIM dengan kerjasama Pusat Wakaf dan Zakat USIM, Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (yayasan FAQEH).

Perisian yang dirintis dan dinaik taraf dari perisian sebelumnya iaitu i-Sign QurANIS ini dibina menggunakan platform android (*mobile application*), dimana fokus sepenuhnya terhadap keseluruhan surah dalam al-Quran sahaja. Pemilihan android sebagai platform multimedia adalah yang terbaik dari segi kemudah-aksesannya (*accessible*), fleksible dimana aplikasi boleh di kemaskini dari masa ke semasa (*flexibility*) serta skop capaian pengguna yang lebih luas berbanding platform lain seperti koswer dan laman web.

Selain itu, elemen-elemen unik dan inovatif seperti transliterasi makhraj, jurubahasa isyarat dan terjemahan mesra orang Pekak masih dikekalkan bahkan akan ditambahbaik dengan panduan isyarat tangan dalam huruf hijaiyyah bagi setiap ayat-ayat al-Quran yang terpampang didalam aplikasi ini. Walaubagaimanapun, projek Wakaf Quran Isyarat ini masih di peringkat awal fasa pertama iaitu proses semakan terjemahan mesra orang Pekak dan proses rakaman jurubahasa isyarat.

Kelancaran pembangunan projek ini juga amat bergantung kepada dana wakaf yang disalurkan oleh masyarakat awam, di mana keterlibatan masyarakat awam ini diharapkan dapat membuka mata banyak pihak berkaitan, disamping meningkatkan tahap kesedaran umat Islam terhadap isu penguasaan agama dikalangan orang Pekak yang masih lemah.

PROJEK WAKAF QURAN ISYARAT

(PPP/KHAS_WAKAF/FPQS/051007/13218)



“PROTOTAIP APLIKASI
ANDROID QURAN MESRA
ORANG PEKAK”

PAKEJ WAKAF TUNAI

- A-RM50/20 halaman
- B-RM100/10 halaman
- C-RM200/5 halaman
- D-RM250/4 halaman
- E-RM500/2 halaman
- F-RM1000/1 halaman

ATAU



SEMAMPU
ANDA

WAKAF MELALUI AKAUN

BANK ISLAM

UNIVERSITI SAINS
ISLAM MALAYSIA

05058010021477

DAN NYATAKAN TRANSAKSI ANDA



<https://googl/UZ7g3h>

STATISTIK ORANG PEKAK



*1:100

REALITI SEMASA

- 

Tiada penawaran sekolah/kelas agama bagi Orang Pekak



Kurang perhatian dari pihak berwajib
- 

Persepsi konsep taklif (tanggungjawab) OKU



Kekangan polisi saiz kelas dan nisbah guru agama
- 

Dakwah vs Dakyah



Ketidak sesuaian kurikulum & penilaian

STATISTIK BAHASA ISYARAT



- 400
di dunia
- 130
di asia pasifik
- 25
Bible di asia pasifik



@WakafQuranisyarat



+6012-305 3001
+6013-201 2824



Wakaf Quran Isyarat USIM



wakafquranisyarat@gmail.com

KOLABORASI



(Montaj Ibnu Ummi Maktum Research Unit) <https://youtu.be/moPrnh151wU>

6.0 CADANGAN DAN SARANAN

Ringkasnya, isu penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada OKU perlu diberikan perhatian agar pemahaman dan pencapaian golongan berkenaan dalam pembelajaran dapat dipertingkatkan. Bagi mencapai objektif ini, beberapa cadangan perlu dilaksanakan:

1. Konsep Pendidikan Quran holistik bagi OKU perlu meraikan emosi, perbezaan dan kelainan keupayaan, kepelbagaian strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran, kebolehan, bakat dan kesungguhan OKU untuk belajar;
2. Pelaksanaan latihan dan kursus bagi menerapkan kemahiran teknologi perlu diberi kepada asatizah dan sukarelawan yang cakna tentang keperluan belajar OKU;
3. Mempertingkatkan program-program out-reach (sebar luas) bagi menyampaikan informasi dan kempen kesedaran melalui pelbagai aktiviti terutamanya program-program berasaskan masjid sebagai one stop centre dengan mewujudkan peruntukan bagi melatih sukarelawan di Masjid dalam kalangan belia dan sukarelawan dalam kalangan mahasiswa di IPT sebagaimana ditawarkan di USIM melalui kelab sukarelawan Dakwah OKU, Sahabat FAQEH USIM (SaF@USIM) dengan sokongan Yayasan FAQEH;
4. Penilaian terhadap kurikulum Pendidikan Islam dalam program Pendidikan Khas sedia ada perlu disemak dan diberi nafas baharu ke arah memberi peluang dan ruang kepada OKU ini mempelajari al-Quran dalam kehidupan seharian mereka dengan kaedah mesra akses;
5. Kelas-kelas pengajian, persatuan-persatuan OKU, mahupun pusat gerakan komuniti perlu menyediakan kemudahan atau alatan seperti komputer ketika sesi pengajaran al-Quran bagi OKU kerana memberi peluang kepada mereka mempelajari ilmu al-Quran sebagaimana dengan orang tipikal;
6. Garis panduan pengajaran Quran dengan bantuan alatan teknologi perlu dibuat bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran OKU;
7. BBM berbentuk multimedia seperti audio, video, koswer dan aplikasi perlu diperbanyakkan untuk menambah minat belajar dan memudahkan OKU belajar secara sendiri;

8. Kajian keperluan ke atas OKU hendaklah dijalankan agar BBM yang dibuat mesra pengguna selaras dengan keperluan belajar dan kelainan upaya mereka;
9. Kerjasama antara KPM, JKM dan Lembaga Zakat atau Baitulmal Negeri dalam menyalurkan peruntukkan dana bagi menyediakan fasiliti dan bahan bantu mengajar (BBM) mesra OKU sebagaimana peruntukan yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Johor dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu untuk pembelian panel elektronik (ebraille Quran) yang dibangunkan oleh penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS).

7.0 PENUTUP

Kesimpulannya, dalam arus dunia berteknologi maklumat kini, pengaplikasian ICT dilihat amat penting dalam bidang pendidikan. Begitu juga dengan penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran al-Quran. Hasil kajian memperlihatkan bahawa, penggunaan ICT amat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi Orang Kurang Upaya (OKU). Institusi pengajian juga berperanan penting kerana menyediakan kemudahan dan alatan bagi membantu OKU mempelajari al-Quran dengan baik. Dengan penggunaan teknologi ini, ia membantu perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan al-Quran sesuai mengikut perubahan arus perubahan dan kepesatan global.

Selain itu, penglibatan warga kampus dalam merealisasikan konsep memasyarakatkan universiti merupakan salah satu elemen ‘barakah’, dalam kerangka memberi ruang dan peluang kepada OKU merasai indahnya hidup beragama. USIM yang diamanahkan sebagai wadah pembangunan modal insan dan generasi Muslim profesional terkadang khilaf dan terlupa bahawa Allah SWT menghadirkan golongan OKU ini atas pelbagai sebab. Apa yang pasti, kewujudan kumpulan minoriti ini bukanlah untuk dianggap sebagai *defect product* (produk rosak) yang Allah ciptakan kerana ia bertentangan dengan pengiktirafan Allah SWT terhadap kemuliaan kedudukan anak-anak Adam AS melalui Surah al-Isra’, ayat 70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ

﴿٧٠﴾ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan

rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”.

8.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. In A. H. Yusoff, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (pp. 19-37). Bangi : Penerbit UKM
- Abdullah, Y. (2014). Memahami Komunikasi Orang Pekak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamel Mohamed, Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Khairul Anuar Mohamad dan Mohd Alwi Yusoff. (2008). Metod Pengajaran Braille al-Quran. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Al-Ghazali, Muhammad. 1967. Ihya' 'Ulum al-Din. Qaherah: Muassasah al-Halabi wa Syirkah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ali, Mohd Fadzli dan Man, Fuziyah. 2011. Pembinaan Perisian Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) Jenis Tutorial Berasaskan Teori Konstruktivisme Matematik Tingkatan Satu – “Fraction.” Kertas Kerja Tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2010). Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data (4 ed.). Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Babbie E. 2010. The Practice of Social Research. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Burgstahler,S. (2008). Designing software that accessible to individual with disabilities. Retrieved from http://www.washington.edu/doit/Brochures/Technology/design_software.html
- Hamdi Ishak. (2010). Pekak dan Bisu Menurut Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huntinger P. L.; Bell C.; Daytner G.; Johanson J.: Establishing and Maintaining an Early Childhood Emergent Literacy Technology Curriculum, Journal of Special Education Technology, Fall 2006, 21, pg.39 [8] Luckevich D.: Computer assisted instruction for teaching vocabulary to a child with autism, Nova Southern University, 2008.
- Idris, A.R. dan Anis, K. K. 2011. Pembangunan Perisian Berbantuan Komputer (PBK) Matematik Tingkatan Satu Bertajuk Luas. Kertas Kerja Tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Imran Nairozle, Muhammad & Nur Arif Ibrahim, Muhammad & Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). Sains-Teknologi dan Ilmu Agama Menurut Bahasa al-Quran dan Hadis.
- Ismail, Ab. Aziz. 2008. Beberapa Aspek Sains dan Teknologi dalam Islam. UiTM, Shah Alam: Penerbitan Universiti (UPENA).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. "Karekter 7B Mukmin Cemerlang". Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU), 4(1), 122.
- John Dewey 1910, Boston: D.C. Heath & Co.; selections from Part One, "The Problem of Training Thought," spelling and grammar modestly modernized.
- Khamaruddin, Siti & Nurul, Khamaruddin & Fasehah, Asiah & Norakyairee, Muhamad & Raus, Mohd & Mohamed, Adnan & Mahyuddin, Yusoff & Noornajihan, Hashim & Afar, Ja & Nur, Mohd & Rasdi, Adzam. (2018). Analisis Keperluan Pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia Bagi Terminologi Ibadah. 4. 63-68.
- Krammer , K. (2013, Disember). The benefits of sign language for deaf children with and without cochlear implant (s). European Scientific Journal, 4, 344.
- Labbo, L. D., & Kuhn, M. R. (2000). Weaving chains of affect and cognition: A young child's understanding of CD-ROM talking books. Journal of Literacy Research, 32(2), 187-210.
- Mohamad, Baharom. (2011). "Teknologi Komunikasi dan Maklumat dalam Program Pendidikan Khas Aliran Teknik dan Vokasional di Malaysia" in ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Vol.1(1) Juni, pp.41-58. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI in Bandung, ISSN 2088-1290.
- Mohd Noor, Ahmad & Mohd Mokhtar, Asmilyia. (2016). Aplikasi Nvda Arabic Dan Kepentingannya Kepada Oku Cacat Penglihatan Dalam Pembelajaran Al-Quran Dan Hadith. E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016 (e-ISBN 978-967-0850- 45-0). 25th April 2016, Federal Hotel, Kuala Lumpur, MALAYSIA. Organized by Hadith Research Institute (Institut Kajian Hadith-INHAD)
- Mohid, S.Z., Mat Zin, N.A. (2010). Courseware Accessibility for Hearing Impaired. Retrieved from IEEE database
- Mokhtar, N. 2004. Membangunkan Modul Perisian Alat Bantu Mengajar (ABM) Berasaskan Komputer Bagi Tajuk Pergerakan Bahan Merentasi Membrane Plasma, Biologi Tingkatan Empat. Latihan Ilmiah Ijazah Dasar, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noornajihan Jaafar dan Kauthar Abdul Kader. (2008). Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia. Seminar Warisan . Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Nor 'Aziah Binti Mohd Daud , Nazean Jomhari , Nur Izzaidah Abdull Zubi. FAKIH: A Method to Teach Deaf People 'Reading' Quran. Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012 ISBN 978-967-5534-20-1 © 2012 Centre of Quranic Research (CQR)
- Norakyairee Mohd Raus, Abdoul Karem Toure, Abdul Muhaimin Ahmad, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasahah Mohamad dan Mohd Nur Adzam Rasdi . (2011). Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Berkeperluan Khas (Penglihatan) dalam Menghafaz al-Quran: Kajian Kes di Darul Quran, JAKIM. Seminar Wahyu Asas Tamadun. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi ,Nur Amalina Azhar, Ab. Halim Tamuri dan Norshidah Mohamad Salleh. (2018). Pendekatan Hadis Terhadap Penggunaan Ict: Eksplorasi Penggunaan Ict Dalam Hafazan Terhadap Pelajar OKU Masalah Penglihatan Di Darul Quran Jakim. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sabitha Marican. 2005. Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Siti Patonah Mohamad, M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qur'an Bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis Dari Sumber Tradisi Islam. International Seminar on al-Quran in Contemporary Society. 2012.
- Syar Meeze, M., Norlidah, A., & Zawawi, I. (2017). Isu dan Cabaran dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs.
- Syed Hassan, Syed Najihuddin & Hassan, Syed & Zakaria, Nidzamuddin & Yu Long, Ma & Goje, Kabiru & Mohd Said, Walid. (2016). Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi.
- Syed Hassan, Syed Najihuddin & Zakaria, Nidzamuddin & Goje, Kabiru & Abdul Halim, Amran & Salaeh, Abdulloh. (2018). Legasi Rasulullah Saw Dan Aplikasi Teknologi: Isu Dan Cabaran Dalam Pendidikan Quran Dan Sunnah.
- Syed Hassan, Syed Najihuddin & Zakaria, Nidzamuddin & Goje, Kabiru & Abdul Halim, Amran & Salaeh, Abdulloh. (2018). Legasi Rasulullah Saw Dan Aplikasi Teknologi: Isu Dan Cabaran Dalam Pendidikan Quran Dan Sunnah.
- Technology. The American Heritage® Dictionary of the English Language, Fifth Edition copyright ©2018 by Houghton Mifflin Harcourt Publishing Company. All rights reserved. Retrieved from <https://ahdictionary.com/word/search.html?q=technology>